

PROGRAM PEMBANTU PELAJAR MINGGU SUAIKENAL 2008/2009

PERLAKSANAAN BENGKEL ASAS FASILITATOR SIRI 1

Oleh: Azilawati Suanda

Bengkel ini telah dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP yang dilaksanakan pada 11 hingga 12 Mei 2008 bertempat di Dewan Kuliah Kubang Gajah. Bengkel ini melibatkan seramai 79 orang pelajar. Semua pelajar telah didedahkan tentang tatacara pengendalian dalam kumpulan menerusi slot ceramah yang telah disampaikan oleh En. Mohd Fadhil Jamaludin. Beliau merupakan salah seorang pakar dalam bidang ini. Pelbagai ilmu dan pengalaman telah dicurahkan kepada pelajar. Semua yang terlibat telah menunjukkan minat mereka semasa sesi ceramah berlangsung.

Slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK) diselitkan di dalam bengkel ini. Semua peserta dipecahkan kepada empat kumpulan. Barisan fasilitator yang berpengalaman seramai lima orang telah dijemput untuk mengendalikan slot ini. Mereka ini adalah tenaga penggerak Biro Tatanegara di Jabatan Perdana Menteri.

Di samping itu, Y. Bhg. Prof. Dato' Naib Canselor dan Datin beserta dengan Dekan dan Timbalan Dekan HEPA turut meluangkan masa bersama pelajar. Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Dato' NC dan Datin dan secara tidak langsung memberi dorongan dan motivasi kepada pelajar-pelajar tersebut.

Pada hari kedua, Latihan Dalam Kumpulan dijalankan sebanyak dua slot. Majlis penutup disempurnakan oleh Timbalan Dekan HEPA, En. Mohd Mustafa Al-Bakri bin Abdullah dan penyampaian cenderamata kepada barisan fasilitator.

